



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



15 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parliment Berhubung Pembentangan Laporan PAC Parliment Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Di Bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)**

- 1) PAC Parliment hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 1 yang dibentangkan di Parliment pada 6 April 2015.
- 3) PAC Parliment mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 15 Mac 2017 dengan memanggil Ketua Setiausaha MINDEF, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN dalam LKAN Tahun 2014 Siri 1.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parliment membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Sebahagian Bon Senggaraan Berjumlah RM760,000.00 tidak boleh dicairkan.

- 5) Berdasarkan prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:
- i) berlakunya kelemahan dan kecuaian dalam pengurusan kontrak WTKL apabila pegawai yang diberikan tanggungjawab didapati kurang peka terhadap peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa. Perkara ini perlu menjadi pengajaran kepada MINDEF dalam memilih kontraktor yang berwibawa dan berkemampuan dalam melaksanakan kontrak Kerajaan.
- 6) Sehubungan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) PAC Parlimen memandang serius terhadap kecuaian MINDEF dalam isu bon senggaraan WTKL dan menggesa agar tindakan undang-undang terhadap Al-Hidayah Investment Bank (Labuan) dibuat dengan kadar segera bagi mendapatkan semula jumlah RM760,000 tersebut.
  - ii) MINDEF perlu memastikan kontraktor mengemukakan jaminan bank daripada institusi kewangan yang berdaftar di bawah Akta BAFIA 1989.
  - iii) Pegawai-pegawai perlu lebih peka terhadap peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa bagi mengelakkan sebarang kecuaian dan kerugian dalam melaksanakan perolehan Kerajaan.
  - iv) PAC Parlimen sangsi terhadap tindakan LFSA membenarkan Al Hidayah Investment Bank (Labuan) beroperasi di Labuan.
  - v) PAC Parlimen menggesa Kerajaan supaya menyiasat tindakan LFSA membenarkan Al Hidayah Investment Bank (Labuan) beroperasi di Labuan.
  - vi) Jika ada keperluan PAC Parlimen akan memanggil LFSA bagi memberikan keterangan berhubung isu ini.

- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit ATM di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia